UMNO dan rakyat berbeza?

Contributed by Webmaster
Wednesday, 04 January 2012

Apabila PAKATAN RAKYAT khususnya mereka yang menyokong Pakatan Rakyat berhujah mereka menggunakan satu terma yang seakan sinonim dengan mereka, mereka merujuk diri mereka SEBAGAI RAKYAT. Mereka berjaya meletakkan persepsi mereka sebagai rakyat dan akhirnya rakyat dalam kategori ini adalah rakyat pembangkang dan UMNO sebagai pemerintah atau kerajaan. Inilah perkara fundamental utama yang akhirnya menjarakkan UMNO dengan rakyat. Kalau kita lihat penjenamaan mereka sebagai rakyat dan kita dalam UMNO sebagai pemerintah. Ini menjarakkan kita dengan rakyat. Kita kelas berbeza dan kita bukan dalam satu himpunan rakyat Malaysia. Itu persepsi yang berjaya dibentuk. Kita perlu sedar – jawapan seperti “apa yang kita lakukan adalah untuk RAKYAT” lebih menjarakkan kita dengan rakyat kerana kehendak rakyat berbeza-beza dan melakukan untuk rakyat adalah rujukan bahawa kita memerintah dan rakyat adalah mereka yang diperintah. Hari ini pertempuran dilabel oleh pembangkang sebagai pertempuran rakyat dengan pemerintah. Ini diwujudkan dan ini menjadikan kita terbabas jauh ke tepi dan mereka mudah menyusup masuk menjadi aspirasi kepada rakyat. Hakikat ini perlu kita sedar. UMNO sudah rasuk dan dilabel sebagai penguasa – pemerintah dan bukan pemimpin. Apa sahaja yang kita lakukan akhirnya tidak akan dapat memuaskan hati semua dan bila pembangkang menentang dan mengkritik – mereka kononnya menyuarakan hasrat rakyat. Kenapa ini boleh berlaku? Adakah sebenarnya kepimpinan UMNO sendiri pemotretan diri sebagai pemerintah. Terma pemerintah ini akan besar dan menggerunkan. Apa yang diperintahkan perlu diikut – seolah-olah dibayangkan sebagai ketuhanan dunia dengan sikap kekerasan – ketidakpedulian dan keingkaran. Rakyat dirangkum dengan pembangkang sebagai mangsa tindasan. Perlu kita akui perkara ini – UMNO sudah dilabel sebagai pemerintah dan bukan pemimpin. Ahli UMNO sendiri tidak menunjukkan diri sebagai rakyat tetapi sebagai kelas lain – apa lagi kepimpinan Bahagian. Keadaan ini menyulitkan – kita menggunakan benteng untuk menjawab sebagai suara pemerintah dan dalam kemelut hari ini – kesedaran yang wujud dewasa ini – pemerintah adalah ibarat diktator zalim yang ada. Pembangkang juga semakin akrab melabel kita sebagai satu rejim. Ini juga usaha membungakan untuk rakyat merujuk kita sebagai lambang keganasan dalam penindasan. Akhirnya kita bukan lagi rakyat dalam kelas mereka. Mungkinkan pakar-pakar perang saraf UMNO terlepas pandang isu ini? Akui....